



BULETIN IKIM

اينستيتوت كفافهمان اسلام مليسيا

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
INSTITUTE OF ISLAMIC UNDERSTANDING MALAYSIA

KONGRES NASIONAL : "ISLAM, KELUARGA MALAYSIA DAN KEHARMONIAN MEMBINA AGENDA KALIS CABARAN MASA DEPAN" SEMPERNA SAMBUTAN ULANG TAHUN IKIM KE-30



Ucapan aluan oleh YB Senator Datuk Haji Idris Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada Kongres Nasional : "Islam, Keluarga Malaysia dan Keharmonian Membina Agenda Kalis Cabaran Masa Depan" semperna Sambutan Ulang Tahun IKIM Ke-30 pada 19 Mei 2022 di Dewan Besar IKIM.

Pengukuhan Keluarga Malaysia adalah amat penting bagi merealisasikan agenda pembangunan yang mampan bagi keharmonian dalam kepelbagaian, ini merupakan satu ciri penting bagi agenda Keluarga Malaysia kerana melaluinya, negara akan mampu untuk segera pulih daripada kesan pandemik terhadap keadaan ekonomi, sosial dan politik negara.

SEMINAR MENGEKALKAN KEDAULATAN MAKANAN DALAM MENDEPANI CABARAN PERUBAHAN IKLIM DAN SEKURITI MAKANAN:PERSPEKTIF ISLAM



Ucapan aluan oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM semperna Seminar Mengekalkan Kedaulatan Makanan Dalam Mendepani Cabaran Perubahan Iklim dan Sekuriti Makanan : Perspektif Islam pada 21 Jun 2022 di Dewan Besar IKIM.

Pada 19 Mei 2022 Pengarah Pusat Kajian Sains Dan Alam Sekitar (KIAS), Dr. Sheikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh menjadi moderator dalam sesi pembentangan yang bertajuk Islam, Kepelbagaian Dan Keharmonian: Kerangka Asas Semasa Kongres Nasional "Islam, Keluarga Malaysia dan Keharmonian: Membina Agenda Kalis Cabaran Masa Depan" sempena Sambutan Ulang Tahun IKIM ke30 di Dewan Besar IKIM.

Pada 19 Mei 2022, Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang & Politik (SYARAK), Dr. Mohd Farid Mohd Shahrin telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Kepelbagaian Dari Sudut Pandang Islam : Asas Pembentukan Keluarga Malaysia Yang Harmoni" dalam Kongres Nasional "Islam, Keluarga Malaysia dan Keharmonian: Membina Agenda Kalis Cabaran Masa Depan" sempena Sambutan Ulang Tahun IKIM ke30 di Dewan Besar IKIM.

Pengarah Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS), Dr. Mohd Sani Badron telah menjadi moderator dalam sesi perbincangan bertajuk Keluarga Malaysia Dalam Cabaran Semasa pada 19 Mei 2022 di Dewan Besar IKIM.

Felaw Pusat Kajian Syariah, Undang-undang & Politik (SYARAK) IKIM, Puan Enizahura Abdul Aziz telah menjadi moderator dalam Forum Gagasan Anak Muda Untuk Malaysia, Orang Muda, Politik dan Malaysia Yang Harmonis bertempat di Dewan Besar IKIM pada 6 Mac 2022.

Pengarah Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya / Mantan Ketua Pengarah IKIM, Prof. Datuk Dr. Azizan Baharuddin mempromosi Buku IKIM yang bertajuk "Madrasah Ramadan : Pengajaran Dari Pelbagai Dimensi" yang bersiaran secara dalam talian dalam slot Assalamualaikum di TV Alhijrah pada 26 April 2022.

KUNJUNGAN TYT SHAIKH DR. MOHAMAD BIN ABDULKARIM AL-ISSA, SETIAUSAHA AGUNG LIGA DUNIA ISLAM (WML) KE IKIM



Kunjungan TYT Shaikh Dr. Mohamad bin Abdulkarim Al-Issa, Setiausaha Agung Liga Dunia Islam (WML) ke IKIM pada 28 Jun 2022.

Kedatangan beliau selaku tetamu negara bagi memberi ucapan pada Persidangan Ulama Asia Tenggara 2022 yang berlangsung di Subang Jaya, Selangor pada 30 Jun 2022. Beliau juga sudi diwawancara dalam program radio IKIM Open Forum yang disiarkan pada 10 Julai 2022.

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS DUTA BESAR INDONESIA KE MALAYSIA



Kunjungan hormat delegasi IKIM yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM ke atas Tuan Yang Terutama Bapak Hermono, Duta Besar Luar Biasa dan Kuasa Penuh, Indonesia pada 18 April 2022 di Kedutaan Besar Republik Indonesia di Kuala Lumpur.

Pertemuan tersebut bertujuan untuk berkongsi pelbagai pandangan antara kedua-dua pihak.

PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (PBAKL) 2022



Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Othman (No. 6 dari kanan) Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil (No. 5 dari kanan) bergambar kenangan bersama penulis buku IKIM di Pentas Utama World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL).

Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) IKIM melancarkan buku baharu keluaran penerbit IKIM bertajuk Modal Pendidikan Islam, Good Governance in Islam, Developing Islamic Mind dan Maqasidic Framework For The Formation of Khayra Ummah (The Best of People) telah dilancarkan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Othman, Ahli Lembaga IKIM pada 8 Jun 2022 di Pentas Utama WTCKL.

SESI PEMBUKAAN AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO 9001:2015 & MS1900:2014 OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL



Ucapan aluan oleh Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM semasa sesi pembukaan Audit Pensijilan semula ISO 9001:2015 & MS1900:2014 oleh SIRIM QAS International disertai Dr. Mohd Hisyam Mahadi, Ketua Pasukan Audit, En. Mahmud Rizal Othman, Juruaudit dan Dr. Hisham Sabri, Pakar Teknikal SIRIM pada 25-27 April 2022 di Bilik Gerakan, IKIM.

WEBINAR "PEMBEBASAN PALESTIN: DI MANA SUARA NEGARA-NEGARA ISLAM?"



IKIM telah menganjurkan webinar bertajuk Pembebasan Palestin : Di Mana Suara Negara-negara Islam? Y.B Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang, Penasihat Khas YAB Perdana Menteri Ke Timur Tengah dijemput khas bagi mengupas isu berkaitan Palestin.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN IKIM KE 30



Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan, Pengerusi IKIM mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan IKIM ke30 di Dewan Besar IKIM pada 13 Jun 2022.

Mesyuarat tahunan IKIM itu dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah IKIM, Ahli-ahli IKIM dan kakitangan IKIM.

Pada 21 Jun 2022 bertempat di Dewan Besar IKIM Fellow, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, Puan Azrina Sobian, telah dijemput sebagai moderator seminar bertajuk Memelihara Kedaulatan Makanan Dalam Krisis Perubahan Iklim sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan IKIM ke30 bertempat di Dewan Besar IKIM.

Fellow Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, Puan Norkumala Awang telah membentangkan kertas kerja bertajuk Kedaulatan Makanan: Peranan Belia Dalam Mengubah Landskap Pertanian Negara sempena Sambutan Ulang Tahun IKIM ke30 pada 21 Jun 2022 bertempat di Dewan Besar IKIM.

Pada 7 Jun 2022 di Pentas Utama WTCKL Fellow Pusat Syarak IKIM, Encik Mohd Noor Omar telah menjadi ahli panel dalam program refleksi buku bertajuk Islam Dan Mata Wang Kripto sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.

Pengarah, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh telah menjadi ahli panel dalam program refleksi buku bertajuk Maqasidic Framework For The Formation Of Khayra Ummah (The Best of People) sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada 9 Jun 2022 bertempat di Pentas Utama WTCKL.

Pengarah, Pusat Ekonomi Dan Kemasyarakatan IKIM, Dr. Mohd Sani Badron telah menjadi ahli panel dalam program refleksi buku bertajuk Maqasidic Framework For The Formation Of Khayra Ummah (The Best of People) sempena pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada 9 Jun 2022 bertempat di Pentas Utama WTCKL.

Pada 12 Jun 2022 bertempat di Pentas Utama WTCKL, Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang & Politik (SYARAK) IKIM, Dr. Mohd Farid Mohd Shahrhan telah menjadi ahli panel dalam program refleksi buku bertajuk Model Pendidikan Islam Membina Peradaban sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022.



Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan bergambar bersama warga IKIM sempena Majlis Anugerah Khas 30 Tahun IKIM di Dewan Besar IKIM.

Pada majlis berkenaan, Puan Hajah Siti Fatimah Abdul Rahman dan Encik Zabidi Nayan masing-masing telah dianugerahkan kategori Pengurusan & Profesional dan kategori Pelaksana pada 13 Jun 2022 di Dewan Besar IKIM. Turut hadir Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi IKIM dan Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM.

ANUGERAH "SUPPORTIVE MEDIA"



Puan Hajah Maslina Alias, Pengurus Berita Radio IKIM menerima anugerah kategori "Supportive Media" atas kerjasama yang terjalin dengan pihak Hospital Pusrawi pada 30 Mac 2022 di Hotel Grand Millennium, Kuala Lumpur.

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT IKIM
NO 2, LANGGAK TUNKU, OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50480 KUALA LUMPUR



03 6204 6200



pr@ikim.gov.my



Institut Kefahaman Islam Malaysia



myIKIM



@myIKIM



IKIM